

Usaha Meningkatkan Kesedaran Pelajar dan Ibu Bapa Terhadap Kebolehpasaran Pekerjaan dalam Bidang TVET

(Efforts to Raise Awareness of Students and Parents on the Marketability of Jobs in the Field of TVET)

Ba Gow Jie^{1*}, Ruhizan Mohd Yasin¹

¹ Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia

*Pengarang Koresponden: p105278@siswa.ukm.edu.my

Accepted: 15 April 2022 | Published: 1 May 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.43>

Abstrak: Pendidikan dan Latihan Vokasional Teknikal (TVET) merupakan salah satu pemacu kritikal dalam transformasi sistem pendidikan Malaysia. Bidang TVET juga merupakan penyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara dan berfungsi untuk membangunkan serta melengkapkan individu dengan kemahiran teknikal berdasarkan permintaan industri. Walau bagaimanapun, terdapat isu yang dihadapi oleh kerajaan dalam memperkasakan bidang TVET di Malaysia iaitu isu kesedaran pelajar dan ibu bapa terhadap kebolehpasaran pekerjaan dalam bidang TVET masih berada pada tahap sederhana. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan tentang TVET dalam kalangan pelajar dan ibu bapa. Kajian ini juga mengenal pasti usaha sekolah dalam meningkatkan tahap kesedaran pelajar dan ibu bapa dalam aspek kebolehpasaran pekerjaan dalam bidang TVET. Seterusnya, mengenal pasti tahap persepsi pelajar dan ibu bapa terhadap bidang TVET. Kajian yang dijalankan ini melibatkan 240 responden. Data set borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For Sosial Science (SPSS) versi 16 bagi mendapatkan peratus, min, dan sisihan piawai. Secara keseluruhannya, usaha meningkatkan kesedaran pelajar dan ibu bapa terhadap kebolehpasaran pekerjaan dalam bidang TVET berada pada tahap tinggi ($m=4.03$). Tahap pengetahuan dan tahap kesedaran pelajar dan ibu bapa juga berada pada tahap tinggi ($m=4.36$). Seterusnya, tahap persepsi pelajar dan ibu bapa terhadap bidang TVET juga berada pada tahap tinggi ($m=4.28$). Implikasi kepada dapatan ini ialah bidang TVET adalah satu aliran atau cabang pendidikan yang sangat penting dan tidak boleh diabaikan oleh mana-mana pihak.

Kata kunci: Pendidikan dan Latihan Vokasional Teknikal (TVET), persepsi pelajar dan ibu bapa, kebolehpasaran pekerjaan, usaha sekolah, pertumbuhan ekonomi negara

Abstract: Technical Vocational Education and Training (TVET) is one of the critical drivers in the transformation of the Malaysian education system. The TVET field is also a contributor towards the country's economic growth and serves to develop and equip individuals with technical skills based on industry demand. However, there are issues faced by the government in strengthening the field of TVET in Malaysia, namely the issue of awareness of students and parents on the marketability of jobs in the field of TVET is still at a moderate level. Therefore, this study was conducted to identify the level of knowledge about TVET among students and parents. This study also identifies the efforts of schools in increasing the level of awareness of students and parents in the aspect of job marketability in the field of TVET. Next, identify the level of perceptions of students and parents towards the field of TVET. The study involved 240

respondents. Questionnaire set data were analyzed using Statistical Package For Social Science (SPSS) version 16 to obtain percentage, mean, and standard deviation. Overall, efforts to increase the awareness of students and parents on job marketability in the field of TVET are at a high level ($m = 4.03$). The level of knowledge and awareness of students and parents are also at a high level ($m = 4.36$). Furthermore, the level of perception of students and parents towards the field of TVET is also at a high level ($m = 4.28$). The implication to this finding is that the field of TVET is a very important stream or branch of education and should not be ignored by any party.

Keywords: Technical Vocational Education and Training (TVET), perceptions of students and parents, job marketability, school efforts, national economic growth

1. Pendahuluan


Pada abad ke-21 pekerja yang berkemahiran tinggi dan berpengetahuan luas dalam bidang teknikal amat diperlukan bagi memastikan ekonomi sesebuah negara dapat mengalami pertumbuhan yang positif. Keadaan ini membuka peluang pekerjaan kepada pelajar-pelajar terutamanya dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (Technical Education and Vocational Training - TVET). Menurut pengarah urusan German-Malaysian Institute (GMI), Prof Ir Dr Azmi Hassan, bidang TVET ini telah membuka berbagai-bagai peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor. Hal ini menjadikan Graduan-graduan TVET sebagai graduan 'terhangat di pasaran'. Bagi Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, TVET merupakan pemboleh daya yang dapat menjayakan pembentukan negara membangun yang makmur dan mendapat perhatian dunia. Pelajar-pelajar sekolah digalakkan menceburi bidang TVET kerana bidang ini membawa masa depan yang cerah kepada mereka. Menurut Ketua Pengarah MARA, Datuk Azhar Abdul Manaf ketika berucap merasmikan Majlis Konvokesyen Perdana Institut Pendidikan MARA (KKTm, KPM, MJII dan IKM) 2018, terdapat 28% pelajar sahaja yang berminat untuk melanjutkan pengajian dalam bidang TVET. Keadaan ini berlaku disebabkan pelajar-pelajar beranggapan bahawa bidang TVET hanya diceburi oleh pelajar yang tidak mempunyai masa depan cerah akibat lemah dalam pencapaian akademik di sekolah. Bagi mengelakkan perkara ini terus berlaku, ibu bapa dalam masyarakat yang berbilang kaum harus mengubah persepsi negatif mereka terhadap bidang TVET. Ibu bapa dalam masyarakat patut memberi sokongan dan galakkan kepada pelajar-pelajar supaya menceburi bidang TVET ini. Pertumbuhan ekonomi global dan perkembangan pesat kemajuan negara memberi kesan kepada institusi pendidikan di Malaysia. Oleh itu, sistem pendidikan Malaysia juga menuju ke arah pengembangan kemahiran dalam bidang teknikal di mana terdapat keperluan yang semakin banyak bagi para pelajar untuk menceburkan diri dalam bidang industri. Sehubungan dengan itu, pemimpin negara Malaysia menggalakkan institusi Pendidikan TVET untuk menawarkan program dan latihan yang lebih kompetitif serta memenuhi keperluan industri, dengan jaminan pekerjaan kepada graduan.

1.1 Pernyataan Masalah

TVET memainkan peranan penting dalam membangunkan masyarakat minda kelas pertama di Malaysia. Namun, masyarakat sering salah anggap bahawa TVET merupakan bidang yang menjadi pilihan terakhir dalam meneruskan pengajian. Keadaan ini menyebabkan anak-anak mengikut nasihat ibu bapa dengan mengelakkan diri daripada menceburkan diri dalam bidang TVET. Lagipun, generasi Y kini tidak berminat menceburi bidang TVET kerana mereka menganggap bidang TVET ini melibatkan pekerjaan 3D. 3D 'adalah singkatan dari kotor (*dirty*), berbahaya (*dangerous*), dan sukar (*difficult*). Generasi Y juga menganggap bidang

TVET sebagai intensif buruh, kerja fizikal yang membebankan, persekitaran kerja yang berbahaya, gaji rendah dan aspek keselamatan yang tidak terjamin (Zulkiflee et.al 2020). Mentaliti tidak sihat terhadap TVET ini menyebabkan pelajar-pelajar lebih berminat terhadap bidang akademik biasa yang memberi penekanan kepada pencapaian dalam bentuk akademik semata-mata. Bidang akademik biasa bukannya meningkatkan nilai diri seseorang individu dan potensi yang ada pada seseorang pelajar itu.

Hal ini terbukti dengan jumlah pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2019 yang melanjutkan pelajaran ke politeknik seluruh negara. Menurut statistik daripada Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Calon SPM 2019 seluruh negara seramai 416,416 pelajar. Menurut statistik enrolmen Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang dikemaskini pada 31 Disember 2020, seramai 85,936 pelajar lepasan SPM melanjutkan pelajaran ke 36 buah politeknik seluruh negara. Selebihnya pelajar lepasan SPM ini melanjutkan pelajaran ke tingkatan 6, maktab perguruan, matrikulasi, kolej swasta dan bekerja. Hal ini menunjukkan hanya 21% daripada keseluruhan pelajar lepasan SPM yang berminat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang TVET di 36 buah politeknik seluruh negara. Keadaan ini menunjukkan pelajar-pelajar lepasan SPM lebih cenderung untuk melanjutkan pelajaran mereka ke bidang akademik biasa berbanding bidang TVET yang ditawarkan oleh 36 buah politeknik seluruh negara.



Sumber: Statistik enrolmen Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang dikemaskini pada 31 Disember 2020.

Kesimpulannya, kajian ini cuba memfokuskan kepada tahap pengetahuan tentang TVET dalam kalangan pelajar dan ibu bapa. Kemudian, usaha-usaha sekolah dalam meningkatkan tahap kesedaran pelajar dan ibu bapa dalam aspek kebolehpasaran pekerjaan dalam bidang TVET. Seterusnya, kajian ini memberi fokus kepada tahap persepsi pelajar dan ibu bapa terhadap bidang TVET.

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk (i) mengenal pasti tahap pengetahuan tentang TVET dalam kalangan pelajar dan ibu bapa. (ii) Mengenal pasti usaha sekolah dalam meningkatkan tahap kesedaran pelajar dan ibu bapa dalam aspek kebolehpasaran pekerjaan dalam bidang TVET. Seterusnya ialah (iii) Mengenal pasti tahap persepsi pelajar dan ibu bapa terhadap bidang TVET.

2. Tinjauan Literatur Kebolehpasaran Graduan TVET

Semua pihak sedang berusaha untuk mempromosikan bidang TVET kerana pendidikan TVET merupakan satu kaedah yang digunakan dalam melatih murid-murid dengan kemahiran bagi melahirkan graduan untuk dunia pekerjaan. Selaras dengan agenda Rancangan Malaysia Kesebelas (2016–2020), pendidikan TVET ditawarkan pada peringkat sekolah, kolej komuniti, politeknik, sehingga ke peringkat universiti. Pembangunan pekerja mahir bagi merencanakan transformasi ekonomi daripada negara berpendapatan sederhana ke negara berpendapatan tinggi merupakan salah satu agenda Rancangan Malaysia Kesebelas (2016–2020).

Kajian Yusop et al. (2018) mendapati kadar kebolehpasaran graduan TVET adalah 99% di Kolej Komuniti Kuala Langat, Selangor. Graduan TVET juga sangat puas hati dengan kemudahan prasarana, kurikulum, tenaga pengajar dan sistem penilaian yang dijalankan Kolej Komuniti Kuala Langat. Program-program TVET yang ditawarkan banyak membantu pelajar mendapat kemahiran TVET selari dengan keperluan industri dalam pasaran pekerjaan. Penerapan nilai-nilai keusahawanan juga merupakan nilai tambah kepada graduan TVET untuk meneroka peluang dalam alam pekerjaan yang diterima oleh pihak majikan terutamanya bidang industri.

Kajian Mamat et al. (2019) mengatakan graduan TVET lepasan Institusi Latihan Perindustrian (ILP) sangat jarang menghadapi masalah pengangguran. Maksudnya graduan TVET ini mempunyai peluang pekerjaan yang sangat tinggi dalam pasaran pekerjaan kerana graduan-graduan TVET ini telah dilatih dengan kemahiran industri mengikut kepakaran mereka. Kemahiran serta kepakaran yang ada pada graduan TVET ini dapat memenuhi permintaan pekerja mahir dan pekerja separuh mahir dalam sektor pembangunan dan perindustrian negara. Kajian menunjukkan bahawa 86% graduan TVET ini memenuhi permintaan pasaran kerja dalam sektor swasta dan 6.8% graduan bekerja dalam sektor awam. Manakala 6.7% graduan TVET bekerja sendiri dengan menjalankan aktiviti perniagaan. Kajian ini dapat menyedarkan masyarakat umum terutamanya ibu bapa bahawa graduan TVET mempunyai masa depan yang cerah dalam kerjaya mereka. Hal ini disebabkan graduan TVET mendapat latihan kemahiran teknikal secara komprehensif dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang diiktiraf oleh semua sektor pekerjaan di Malaysia.

3. Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan aspek penting bagi mendapatkan satu hasil kajian yang baik dan boleh dipercayai. Metodologi kajian menjamin kaedah yang digunakan oleh penyelidik bersesuaian dengan pemboleh ubah yang hendak dikaji.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk deskriptif jenis tinjauan. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti usaha sekolah dalam meningkatkan tahap kesedaran pelajar dan ibu bapa dalam aspek kebolehpasaran pekerjaan dalam bidang TVET. Kajian ini juga mengenal pasti usaha kerajaan untuk mengubah persepsi pelajar dan ibu bapa terhadap peluang pekerjaan baru dalam bidang TVET pada era IR 4.0 ini. Seterusnya, mengenal pasti tahap persepsi pelajar dan ibu bapa terhadap bidang TVET. Data yang diperoleh dengan menggunakan soal selidik yang telah diedarkan kepada responden yang terpilih mewakili populasi iaitu 240 orang responden yang terdiri daripada pelajar sekolah-sekolah menengah di bandar Miri, Sarawak. Setiap maklumat telah ditafsirkan secara kuantitatif.

Soal selidik merupakan instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Soal selidik merupakan kaedah yang paling sesuai untuk mendapatkan maklumat daripada responden yang ramai. Penggunaan instrumen berbentuk soal selidik adalah amat berkesan. Instrumen yang baik mempunyai item-item yang tersusun dan boleh dipercayai. Responden akan menjawab dengan jujur kerana tidak perlu menulis nama pada soal selidik.

Berdasarkan soal selidik yang telah diedarkan kepada responden, item-item kajian ini dibahagikan kepada tiga kategori. Kategori-kategori itu terdiri daripada bahagian B, bahagian C, dan bahagian D. Bahagian B mengandungi 15 item yang berkaitan dengan tahap pengetahuan tentang TVET dalam kalangan pelajar dan ibu bapa. Bahagian C mengandungi 9 item yang berkaitan dengan usaha sekolah dalam meningkatkan tahap kesedaran pelajar dan ibu bapa dalam aspek kebolehpasaran pekerjaan dalam bidang TVET. Bahagian D pula mengandungi 11 item yang berkaitan dengan tahap persepsi pelajar serta ibu bapa terhadap bidang TVET.

Data soal selidik dianalisis menggunakan SPSS versi 16 bagi mendapatkan analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai. Interpretasi skor min diadaptasikan daripada kajian Mohamad & Othman (2018) seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Jadual 1: Rubrik skor

SKOR MIN	TAHAP
1.00 – 2.00	RENDAH
2.01 – 3.00	SEDERHANA RENDAH
3.01 – 4.00	SEDERHANA TINGGI
4.01 – 5.00	TINGGI

Sumber: Mohamad & Othman (2018)

3.2 Kajian Rintis

Menurut Junyong In (2017), kajian rintis adalah penting untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kajian utama. Kajian rintis ini telah dijalankan bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik. Pengkaji telah memilih 10 orang pelajar aliran TVET yang mengambil mata pelajaran elektif Perniagaan tingkatan 4 untuk menguji sama ada mereka dapat memahami perkara-perkara yang digunakan dalam soal selidik.

3.3 Kebolehpercayaan Instrumen.

Dalam kajian rintis yang dijalankan, seramai 10 orang responden dipilih untuk menjawab soal selidik yang mengandungi 39 item. Penyelidik mendapati pekali Alpha Cronbach bagi keseluruhan item persoalan adalah 0.977. Ini menunjukkan bahawa soal selidik yang digunakan oleh pengkaji mempunyai kebolehpercayaan yang baik.

4. Dapatan Kajian

Jadual 1 menunjukkan profil demografi responden. Taburan bilangan dan peratus responden mengikut jantina menunjukkan responden pelajar lelaki terdiri daripada 55 orang (22.92%). Manakala responden pelajar perempuan terdiri daripada 155 orang (64.58%). Responden bapa / penjaga terdiri daripada 21 orang (8.75 peratus). Manakala responden ibu / penjaga terdiri daripada 9 orang (3.75%). Taburan bilangan dan peratus responden mengikut bangsa menunjukkan responden bangsa cina terdiri daripada 53 orang (22.08 peratus). Responden kaum bumiputera sabah dan sarawak terdiri daripada 140 orang (58.33 peratus). Responden bangsa melayu terdiri daripada 47 orang (19.59 peratus).

Profil	Perincian	Kekerapan (Bilangan Orang)	Peratus (%)
Jantina	Pelajar Lelaki	55	22.92
	Pelajar Perempuan	155	64.58
	Bapa / Penjaga	21	8.75
	Ibu / Penjaga	9	3.75
Bangsa	Cina	53	22.08
	Kaum Bumiputera Sabah Dan Sarawak	140	58.33
	Melayu	47	19.59

Jadual 2 menunjukkan hasil dapatan kajian daripada data soal selidik bahagian B. Apakah tahap pengetahuan tentang TVET dalam kalangan pelajar dan ibu bapa? Purata min keseluruhan adalah 4.03 manakala purata sisihan piawai keseluruhan adalah 0.46. Ini menunjukkan pengetahuan pelajar dan ibu bapa secara puratanya berada pada tahap tinggi.

Jadual 2: Analisis Tahap Pengetahuan Tentang TVET Dalam Kalangan Pelajar Dan Ibu Bapa

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Saya sedar bahawa bidang TVET merupakan pilihan utama dalam penyediaan tenaga kerja berkemahiran tinggi.	4.31	0.46
2	Saya sedar bahawa lulusan bidang TVET mempunyai peluang yang cerah untuk melanjutkan pelajaran ke universiti.	4.25	0.47
3	Saya sedar bahawa bidang TVET dapat menggabungkan aspek akademik dan kemahiran secara berkesan.	4.28	0.47
4	Saya sedar bahawa graduan kelulusan bidang TVET mampu berpendapatan tinggi setara dengan lulusan akademik.	4.21	0.59
5	Saya sedar bahawa bidang TVET menjamin kerjaya yang stabil dalam jangka masa yang panjang.	4.18	0.54
6	Saya sedar bahawa mata pelajaran yang diajar dalam bidang TVET berkait rapat dengan bidang kerjaya yang bakal diceburi para graduan.	4.15	0.45
7	Saya sedar bahawa bidang TVET berpotensi memberikan kemahiran teknikal untuk memulakan sesuatu perniagaan/ bisnes.	4.32	0.49
8	Saya sedar bahawa bidang TVET membangunkan kemahiran teknikal tinggi selaras dengan keperluan pasaran kerja.	4.26	0.44
9	Saya sedar bahawa bidang TVET mementingkan pembelajaran secara praktikal bagi meningkatkan kemahiran teknikal.	4.20	0.40
10	Saya sedar bahawa murid TVET dilengkapi dengan latihan kemahiran vokasional yang mencukupi akan mempersiapkan diri untuk menjadi usahawan.	4.22	0.44
11	Saya sedar bahawa terdapat hubungan antara minat dan sikap yang melibatkan murid TVET terhadap keusahawanan.	4.23	0.45
12	Saya sedar bahawa murid dalam bidang TVET berpeluang untuk menceburkan diri dalam perniagaan sendiri apabila tamat pengajian.	4.13	0.46
13	Saya sedar bahawa terdapat sokongan kerajaan untuk golongan muda memiliki perniagaan mereka sendiri.	4.11	0.55
14	Saya sedar bahawa mata pelajaran TVET yang telah diikuti menyediakan pelajar untuk menghadapi dunia pekerjaan	4.24	0.43
15	Saya sedar bahawa mata pelajaran TVET yang telah diikuti membantu dalam mendapat pekerjaan	4.05	0.27

Jadual 3 menunjukkan hasil dapatan kajian daripada data soal selidik bahagian C. Apakah usaha sekolah dalam meningkatkan tahap kesedaran pelajar dan ibu bapa dalam aspek kebolehpasaran pekerjaan dalam bidang TVET? Purata min keseluruhan adalah 4.36 manakala purata sisihan piawai keseluruhan adalah 0.50. Ini menunjukkan usaha sekolah dalam meningkatkan tahap kesedaran pelajar dan ibu bapa dalam aspek kebolehpasaran pekerjaan dalam bidang TVET berada pada tahap tinggi.

Jadual 3: Analisis Usaha Sekolah Dalam Meningkatkan Tahap Kesedaran Pelajar Dan Ibu Bapa Dalam Aspek Kebolehpasaran Pekerjaan Dalam Bidang TVET

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Saya sedar bahawa pihak sekolah memberi anugerah atau insentif galakkan kepada murid yang memperolehi keputusan cemerlang dalam bidang akademik untuk menceburi bidang TVET di sekolah.	4.01	0.51
2	Saya sedar bahawa pihak sekolah memberi kemudahan pinjaman komputer riba kepada pelajar TVET untuk menyiapkan projek kerja kursus.	4.65	0.48
3	Saya sedar bahawa pihak sekolah menjemput pihak Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) ke sekolah untuk memberi ceramah peluang kerjaya dalam bidang TVET kepada pelajar sempena minggu kerjaya.	4.51	0.50
4	Saya sedar bahawa pihak sekolah mengedarkan Inventori Kesedaran Kerjaya kepada pelajar untuk menentukan tahap kesedaran kerjaya dalam bidang TVET.	4.32	0.52
5	Saya sedar bahawa pihak sekolah berkongsi maklumat pautan webinar berkaitan peluang kebolehpasaran graduan TVET kepada pelajar lepasan SPM.	4.52	0.50
6	Saya diberi pendedahan tentang cara membuat permohonan kemasukan ke Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) untuk mengikuti program-program kemahiran oleh pihak sekolah	4.49	0.50
7	Saya sedar bahawa pihak sekolah memberi galakkan kepada pelajar untuk mengambil mata pelajaran keusahawanan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai pendedahan awal pelajar kepada dunia perniagaan.	4.56	0.50
8	Saya sedar bahawa pihak sekolah menjemput pihak Kolej Komuniti Miri memberi ceramah peluang kerjaya dalam bidang TVET di Sekolah.	4.48	0.50
9	Saya sedar bahawa pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi mengenai menjalankan perniagaan di sekolah akan melengkapkan murid untuk memiliki perniagaan.	4.43	0.50

Jadual 4 menunjukkan hasil dapatan kajian daripada data soal selidik bahagian D. Apakah tahap persepsi pelajar dan ibu bapa terhadap bidang TVET? Purata min keseluruhan adalah 4.28 manakala purata sisihan piawai keseluruhan adalah 0.49. Ini menunjukkan tahap persepsi pelajar dan ibu bapa terhadap bidang TVET berada pada tahap tinggi.

Jadual 4: Analisis Tahap Persepsi Pelajar Dan Ibu Bapa Terhadap Bidang TVET

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Saya berminat dalam bidang TVET disebabkan oleh faktor kurikulum mata pelajaran yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.	4.39	0.54
2	Saya mengikuti aliran TVET dengan mengambil mata pelajaran elektif keusahawanan untuk Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).	4.51	0.50
3	Saya mendapat sokongan ibu bapa untuk menceburi bidang TVET iaitu bidang keusahawanan sebagai kerjaya pada masa depan.	4.26	0.47
4	Saya ingin memulakan perniagaan sendiri selepas tamat pengajian dalam bidang keusahawanan.	4.25	0.47
5	Saya sedar bahawa latihan industri telah memberi manfaat kepada graduan TVET dalam mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian.	4.44	0.51
6	Saya sedar bahawa latihan industri telah membantu graduan TVET menyesuaikan diri di alam pekerjaan sebenar.	4.37	0.50
7	Saya percaya saya boleh berjaya dalam kerjaya dalam bidang TVET selepas tamat pengajian.	4.30	0.46

8	Saya mengikuti bidang TVET kerana akan mendapat peluang pekerjaan yang saya minati	4.29	0.46
9	Saya ingin menceburi dalam bidang TVET kerana ia dipandang tinggi oleh orang lain.	4.29	0.46
10	Saya bercita-cita untuk bekerja dalam bidang TVET ini.	4.28	0.45
11	Saya sedar bahawa gaji yang diperolehi dalam bidang TVET yang dipelajari amat menarik.	4.28	0.45

6. Kesimpulan Dan Cadangan

Tahap pengetahuan pelajar dan ibu bapa tentang TVET berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan mereka dapat menerima bahawa bidang TVET ini merupakan bidang yang menjamin masa depan pelajar atau graduan TVET. Pengetahuan pelajar dan ibu bapa terhadap TVET juga berada pada tahap tinggi kerana sekitar bandar Miri terdapat banyak institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang menawarkan pengajian peringkat sijil, diploma dan ijazah. Kepadatan institusi pengajian tinggi awam dan swasta dalam bidang TVET di sekitar bandar Miri menyebabkan pelajar dan ibu bapa banyak terdedah kepada kepetingan bidang TVET terhadap peluang pekerjaan kepada graduan TVET.

Usaha sekolah dalam meningkatkan tahap kesedaran pelajar dan ibu bapa dalam aspek kebolehpasaran pekerjaan dalam bidang TVET berada pada tahap tinggi. Mereka dapat menerima usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah dalam membuka peluang kepada pelajar-pelajar menceburi bidang TVET yang merupakan bidang yang menjamin masa depan pelajar atau graduan TVET. Sebagaimana pelajar dan ibu bapa sedia maklum bahawa mengikut sumber dan data dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) 2016-2020, 60% daripada 1.5 juta pekerjaan yang diciptakan memerlukan kemahiran TVET. Ini menunjukkan bahawa 900 ribu tenaga kerja TVET diperlukan menjelang tahun 2020. Oleh itu, tahap kesedaran pelajar dan ibu bapa dalam aspek kebolehpasaran pekerjaan dalam bidang TVET berada pada tahap tinggi kerana tujuan terakhir pelajar-pelajar yang mendapat pendidikan di sekolah adalah mendapatkan pekerjaan. Bagi mendapatkan peluang pekerjaan yang baik pada masa akan datang, pelajar-pelajar perlu dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran tertentu khususnya dalam bidang TVET.

Tahap persepsi pelajar dan ibu bapa terhadap bidang TVET berada pada tahap tinggi. Pelajar dan ibu bapa berpandangan positif terhadap bidang TVET yang merupakan satu peluang kerjaya serta mempunyai tahap kebolehpasaran pekerjaan yang tinggi pada masa depan. Pelajar dan ibu bapa juga mempunyai persepsi yang baik terhadap kurikulum TVET yang dilaksanakan di sekolah.

Pelajar TVET dalam bidang keusahawanan boleh menggunakan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dalam bidang kerja mereka walaupun mereka tidak memulakan perniagaan sendiri sebagai usahawan. Ini menunjukkan program TVET iaitu pendidikan keusahawanan adalah sangat penting dan perlu dipelajari oleh semua graduan TVET. Hal ini disebabkan graduan TVET sangat penting dan amat diperlukan dalam pembangunan negara. Oleh itu, dapatan kajian ini amat penting kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memperkasakan bidang kemahiran aliran TVET dalam kalangan belia khususnya graduan TVET dari IPTA dan IPTS. Menurut Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail, pendidikan TVET dalam bidang keusahawanan hari ini perlu diberi perhatian serius dan merupakan komponen penting dalam menjana masyarakat Malaysia yang kreatif

dan berinovasi (Berita Harian Online 2016). Oleh itu, semua pihak seperti kerajaan, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah, guru dan ibu bapa perlu mengambil langkah drastik bagi menambak usaha memperkasakan TVET dalam kalangan pelajar sekolah bagi meningkatkan kemahiran insaniah mereka. Ini kerana kemahiran insaniah merupakan kemahiran multi skill dalam bidang TVET yang menjadi asas kemenjadian murid sebagai ukuran kecemerlangan pelajar selepas fasa persekolahan apabila mereka mencari peluang pekerjaan kelak.

Secara kesimpulannya, usaha meningkatkan kesedaran pelajar dan ibu bapa terhadap kebolehpasaran pekerjaan dalam bidang TVET adalah berada pada tahap tinggi. Ini bertepatan dengan keadaan negara sekarang yang mementingkan bidang TVET. Bidang TVET adalah satu aliran atau cabang pendidikan yang sangat penting dan tidak boleh diabaikan oleh mana-mana pihak. Oleh itu, pengurusan bidang TVET di Malaysia membabitkan tujuh kementerian iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Melalui bidang TVET, Malaysia akan dapat mencapai hasrat untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dengan pertumbuhan yang inklusif, seimbang, bertanggungjawab, dan mampan menjelang 2030. Semua pihak perlu bekerjasama dalam memberi fokus yang lebih kepada bidang TVET. Masyarakat perlu mengubah persepsi negatif terhadap aliran TVET kerana peluang kerjaya dalam bidang TVET ini sangat luas dan perlu diisi dengan pekerja tempatan. Semua pihak juga perlu memberi galakkan kepada pelajar-pelajar untuk menyertai bidang TVET kerana kebolehpasaran pekerjaan sangat tinggi dan secara langsung dapat mengurangkan masalah pengangguran dalam kalangan remaja di Malaysia. Bagi memastikan pelajar dan ibu bapa berminat dengan bidang TVET ini, pihak kerajaan serta majikan perlu mengiktiraf kelayakan TVET. Komitmen daripada semua pihak yang terlibat sangat penting dalam pembangunan sumber manusia negara dengan menjadikan bidang TVET sebagai pilihan pertama pendidikan di Malaysia.

Rujukan

- Amir Mamat. (2019). Lulusan IPMA Jadi Rebutan. *Berita Harian Online*, 17 September.
- Amran, N., & Seman, N. A. A. (2021). Hubungan antara Faktor Sokongan Pendidikan dan Minat Pelajar dalam Bidang. *Keusahawanan. Research in Management of Technology and Business*, 2(1), 1499-1508.
- Azid, N., Rawian, R., Shaik-Abdullah, S., & Tee, T. K. (2019). The Development Of Interactive Case-Based Smart Thinking And Industrial Problem-Solving Stimulator To Enhance Tvet Students' thinking Skills. *Journal of Engineering Science and Technology*, 14(5), 2643-2656.
- Bernamea. (2016). Pupuk budaya keusahawanan dari sekolah rendah. *Berita harian online*. 30 April.
- Chan, F. L., & Mohammad, F. S. (2019). ICT Integration Practices of STEM Teachers in TVET. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)*. ISSN: 2277-3878, Volume-8 Issue-4.
- Dawn Chan (2021). TVET should not be seen as second class education. *New Straits Times*, 7 April.
- Economic Planning Unit, Prime Minister's Department. *Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11)*.
- Hasan, M., Musa, C. I., Arismunandar, A., Tahir, T., & Azis, M. (2019). Entrepreneurship Education, Family Capital, and Family Business Performance in Makassar, South

- Sulawesi, Indonesia. *International Journal of Scientific Development and Research (IJSDR)*, 4(6), 269-272.
- Hashim, S., Utami, P., Rahman, M. H. A., Jumaat, N. F., & Phon, D. N. E. (2019). Knowledge Construction Process in an Open Learning System Among Technical and Vocational Education and Training (TVET) Practitioners. *Journal of Technical Education and Training*, 11(1).
- Ibrahim, Z., Lai, C. S., Zaime, A. F., Lee, M. F., & Othman, N. M. (2020). Green skills in knowledge and attitude dimensions from the industrial perspective. In IOP Conference Series: Materials Science and Engineering (Vol. 917, No. 1, p. 012025). IOP Publishing.
- In, J. (2017). Introduction of a pilot study. *Korean journal of anesthesiology*, 70(6), 601.
- Iwan Shu-Aswad Shuaib. (2020). TVET ada potensi besar untuk kerjaya masa depan, ini lepasan SPM perlu tahu untuk jadi graduan 'terhangat di pasaran'. *Mstar*, 23 Mac.
- Jabatan Pembangunan Kemahiran. (2021). 10 Kelebihan Sijil Kemahiran Malaysia – Pelbagai Peluang Menanti Anda.
- Kanwar, A., Balasubramanian, K., & Carr, A. (2019). Changing the TVET paradigm: new models for lifelong learning. *International Journal of Training Research*, 17(sup1), 54-68.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). Maklumat Umum TVET.
- Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Laporan Analisis Peratusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Tahun 2019.
- Lewin, K. M. (2020). Beyond business as usual: Aid and financing education in Sub Saharan Africa. *International journal of educational development*, 78, 102247.
- Malaysia. (2010). Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- Malaysia. (2021). Rancangan Malaysia Ke-12 & Dasar Sumber Manusia Negara (Pelan Strategik Kementerian Sumber Manusia 2020 – 2025). Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya.
- Mamat, M., Daiman, D., Musa, R. M., Irham, N. A., Mun, W. K., & Yau, Y. V. (2019). Kebolehpkerjaan Graduan Institut Latihan Perindustrian Kuala Langat, Selangor (Employability of Graduates from Industrial Training Institute Kuala Langat, Selangor). *MALIM: JURNAL PENGAJIAN UMUM ASIA TENGGARA (SEA Journal of General Studies)*, 20.
- Mohamad, R., & Othman, N. (2018). Korelasi Efikasi Kendiri Keusahawanan terhadap Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Pra-universiti (Correlation of Entrepreneurial Self-efficacy and Entrepreneurial Inclination among Pre-university Students). *Akademika*, 88(2).
- Mohd Amin Jalil. 2019. Graduan Kolej Vokasional Terus Jadi Rebutan. *Berita Harian Online*, 6 Oktober.
- Omar, M. K., Zahar, F. N., & Rashid, A. M. (2020). Knowledge, skills, and attitudes as predictors in determining teachers' competency in Malaysian TVET institutions. *Universal Journal of Educational Research*, 8(3C), 95-104.
- Pejabat Pentadbiran Bahagian Miri (2022). Profail Daerah Miri.
- Puad, M. H. M., & Nawe, N. S. M. (2021). Pengaruh Motivasi Pelajar Dalam Program Latihan Kebolehpasaran Di Era Revolusi Industri 4.0: The Influence of Student Motivation in Employability Training Program in the Industrial Revolution 4.0 Era. *Sains Insani*, 6(1), 185-193.
- Saibon, R. A., Kamis, A., & Zainol, Z. (2019). Entrepreneurship Education: Unemployment Issues, People's Well Being and Entrepreneurial Intentions among TVET Graduates in Malaysia. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 23(4), 1-10.

- Salisu, J. B. (2020). Entrepreneurial training effectiveness, government entrepreneurial supports and venturing of TVET students into IT related entrepreneurship—An indirect-path effects analysis. *Heliyon*, 6(11), e05504.
- Statistik Pendidikan Tinggi (2020): Kementerian Pengajian Tinggi. 2021.
- Suhaila Shahrul Annuar. (2018). Graduan TVET Pilihan Industri. *Berita Harian Online*, 10 April.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. (2021). National Fourth Industrial Revolution (4ir) Policy.
- Wan Nur Azlina Ibrahim, Ab. Rahim Bakar, Soaib Asimiran, Shamsiah Mohamed, & Noor Syamilah Zakaria. (2015). Impact of Entrepreneurship Education on the Entrepreneurial Intentions of Students in Technical and Vocational Education and Training Institutions (TVET) In Malaysia. *International Education Studies*, 8(12), 141.
- WEI, F. J., & Jamil, H. (2019). TVET Educational Choice of Malaysian Polytechnic Students (Pilihan Pendidikan TVET Pelajar Politeknik di Malaysia). *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 44(1), 65-76.
- Yusop, S. N. H. M., & Umar, K. (2018). Kebolehpasaran Graduan Kolej Komuniti Kuala Langat. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 1(3), 43-52.
- Zulkiflee, E. N. D., Puteh, F., & Ahmad, J. (2020). Analysing the awareness of generation Y youth on '3D'industries through '3D'info system. *Journal of Administrative Science*, 17(2), 140-155.